

**LAPORAN PERKONGSIAN ILMU AUDIT UNIVERSITI AWAM ZON SELATAN
DEWAN SENAT & BILIK MESYUARAT UTAMA BANGUNAN CANSELERI UTM
PADA 11 SEPTEMBER 2025**

1.0 PENGENALAN

Satu sesi perkongsian ilmu telah diadakan secara fizikal pada 11 September 2025, melibatkan penyertaan pegawai audit dalaman dari tiga institusi pengajian tinggi awam (IPTA), iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Program ini bertujuan sebagai platform bagi memperkukuh kefahaman terhadap pelaksanaan audit dalaman serta menggalakkan perkongsian amalan terbaik dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi.

2.0 OBJEKTIF

Perkongsian ini dijalankan dengan objektif berikut:

- Meningkatkan kefahaman berkaitan isu-isu kritikal dalam pelaksanaan audit dalaman IPT.
- Memberi pendedahan kepada pendekatan audit yang inovatif dan praktikal.
- Mewujudkan jaringan profesional antara institusi bagi tujuan pembangunan kompetensi dan penambahbaikan berterusan.

3.0 TAJUK PERKONGSIAN

Tiga (3) topik utama telah dikongsikan dalam sesi ini, iaitu:

1. Ceramah Pengukuhan Tadbir Urus Dalam Perolehan - Pakatan Harga dan Tipuan Bida disampaikan oleh YBhg. Datuk Haji Iskandar bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).
2. Program Audit Walkabout disampaikan oleh En. Abdul Rashid bin Aris, Ketua Audit Dalam UTM.
3. Pelaksanaan Audit ICT disampaikan oleh En. Kamarudin bin Osman, Pen. Ketua Audit Dalam UTM.

Aturcara program perkongsian Adalah seperti di **Lampiran 1**.

4.0 PENYERTAAN

Butiran penyertaan bagi sesi ini adalah seperti berikut:

Institusi	Bilangan Peserta
UTM	6 orang
UTeM	5 orang
UTHM	6 orang
USIM	5 orang
Jumlah Keseluruhan	22 orang

Senarai nama peserta adalah seperti di **Lampiran 2**.

5.0 DAPATAN & ANALISIS MAKLUM BALAS

Berdasarkan maklum balas yang diperolehi melalui pemerhatian semasa sesi dan perbincangan dua hala, didapati bahawa:

5.1 Tahap Kefahaman Meningkatkan

Peserta menunjukkan peningkatan kefahaman terhadap isu pakatan harga dan tipuan bida serta kepentingan pengauditan dalam sektor ICT.

5.2 Relevan dengan Keperluan Tugas

Topik yang dibentangkan dianggap selari dengan keperluan dan skop tugas audit semasa di institusi masing-masing.

5.3 Perkongsian Praktikal dan Berkesan

Peserta menghargai pendekatan praktikal, khususnya dalam pembentangan mengenai *Audit Walkabout* yang boleh terus diaplikasikan dalam pelaksanaan audit sebenar.

5.4 Sokongan kepada Program Susulan

Terdapat cadangan agar program seumpama ini diteruskan secara berkala dan melibatkan lebih banyak sesi kajian kes serta lawatan silang (benchmarking).

6.0 KOS YANG TERLIBAT

Jumlah kos yang terlibat adalah untuk jamuan makan tengahari dan minum petang berjumlah RM560.00 sahaja.

7.0 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, perkongsian ilmu ini telah memberi impak positif kepada para peserta. Kandungan yang disampaikan bukan sahaja menambah baik pengetahuan teknikal dalam bidang audit, tetapi turut memperkukuh kefahaman tentang pendekatan strategik dalam menjalankan audit dalaman yang berkesan. Diharapkan sesi sebegini dapat dijadikan inisiatif berterusan demi memperkasakan sistem pengauditan dalaman IPT di Malaysia.

Disediakan oleh:

ABDUL RASHID BIN ARIS

Ketua Unit Audit Dalam
Universiti Teknologi Malaysia
Tarikh: 17 September 2025